

31 JUL 1997

Tambak

M'SIA-S'PURA AKAN BERBINCANG MENGGANTIKAN TAMBAK JOHOR

JOHOR BA HARU, 31 Julai (Bernama) -- Kerajaan Malaysia akan mengadakan perbincangan dengan pemerintah Singapura bagi membina sebuah tambak baru untuk menggantikan Tambak Johor yang sedia ada.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S.Samy Vellu berkata, walaupun kerajaan bersetuju pada dasarnya untuk membina tambak itu tetapi ia perlu mendapat persetujuan kedua-dua negara.

"Kita perlu berbincang dengan Singapura kerana ia melibatkan perhubungan darat kedua-dua negara...setakat ini perbincangan belum diadakan," katanya kepada pemberita selepas majlis penyempurnaan kerja bagi laluan kedua Malaysia-Singapura yang menghubungkan Tuas di Singapura dan Tanjung Kupang di Johor dekat sini hari ini.

Laluan kedua itu yang berharga RM1.3 bilion akan dibuka kepada lalulintas mulai 2 Jan tahun depan.

Katanya kerajaan telah meminta Kementerian Luar untuk mengadakan perbincangan dengan Singapura bagi mencapai kata sepakat tetapi setakat ini belum ada perkembangan lanjut mengenainya.

Samy Vellu berkata, laluan baru itu akan dibina tidak jauh dari Tambak Johor dan ia akan dapat memperbaiki sistem pengaliran air di Selat Tebrau.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Singapura Lim Hng Kiang berkata kerajaan republik itu bersedia menimbangkan sebarang cadangan yang dikemukakan bagi memastikan sistem aliran lalulintas yang lebih baik.

Pada Jun tahun lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melancarkan "JB Waterfront City" di sini berkata kerajaan bercadang membina jambatan bagi menggantikan Tambak Johor jika mendapat persetujuan Singapura.

Dr Mahathir berkata ini kerana tambak yang sedia ada tidak lagi sesuai untuk menampung jumlah lalulintas dan pada masa yang sama menyekat pengaliran air di Selat berkenaan.

Tambak Johor, laluan pertama yang menghubungkan Malaysia dengan Singapura, dibuka secara rasmi pada tahun 1924. Pada masa ini, kira-kira 100,000 orang menggunakan Tambak Johor setiap hari.

Mengenai cadangan pembinaan jambatan menghubungkan Semenanjung dan Sumatera yang merentangi Selat Melaka, Samy Vellu berkata: "Kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi sedang mengkaji secara serius cadangan daripada pihak swasta itu."

Katanya kerajaan Malaysia dan Indonesia telah mencapai persefahaman berhubung pembinaan jambatan itu yang boleh dimanfaatkan oleh kedua-dua negara.

"Ia juga akan memudahkan pengunjung harian yang datang dari Indonesia ke Malaysia dan sebaliknya di samping menjalinkan hubungan yang lebih erat," kata Samy Vellu.

Cadangan membina jambatan itu dicapai selepas Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan Presiden Suharto di Istanbul pada 15 Jun lepas. --

BERNAMA

BH AKD